

03/10/2003

IQJ mahu pikat saintis di luar negara kembali ke Malaysia

Hizral Tazzif Hisham

INVENTQJAYA (IQJ), makmal penyelidikan dan pembangunan (P&P) mega hasil kerjasama antara kerajaan Malaysia dan Reveo Inc (Reveo) mampu merealisasikan impian negara untuk muncul antara peneraju dalam industri teknologi dunia di samping mempercepatkan proses menjadikan Malaysia sebagai negara perdagangan sepenuhnya.

Matlamat utama penubuhan IQJ ialah melakukan P&P bagi menghasilkan penemuan baru serta mewujudkan industri baru untuk mengeksport sains dan teknologi serta produk yang dihasilkan di negara ini dan menjadikan makmal berkenaan sebagai pusat melakukan penyelidikan kepada dunia.

Pengerusi merangkap Ketua Eksekutif InventQjaya dan Reveo, Dr Sadeg Mustafa Faris, berkata InventQjaya berhasrat menarik semula saintis dan penyelidik Malaysia yang berada di luar negara untuk kembali ke Malaysia.

"Ketika ini, IQJ memiliki 35 saintis dan ahli teknologi yang kebanyakannya rakyat tempatan. Bilangan saintis dijangka meningkat kepada 85 menjelang Disember ini. Dua saintis Malaysia yang berada di luar negara dijangka kembali dalam tempoh terdekat," katanya kepada pemberita pada sidang media selepas sesi penerangan makmal IQJ di Cyberjaya, kelmarin.

Makmal berkenaan dijangka dilancarkan pada 11 Oktober ini oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Langkah Malaysia mendirikan makmal penyelidikan berkenaan adalah mencontohi apa yang sudah dibuat oleh Makmal Bell (Bell Lab) diasaskan pada 1925.

Makmal Bell sudah menghasilkan pelbagai penemuan yang kini digunakan manusia di seluruh dunia. Misalnya, transistor digunakan di dalam komputer peribadi dan juga pelbagai peralatan komunikasi dan bahasa pengaturcaraan komputer.

Kejayaan Makmal Bell mendapat pengiktirafan dunia apabila 11 saintis makmal berkenaan menerima anugerah Nobel di samping anugerah Pingat Teknologi Kebangsaan Amerika Syarikat sebagai mengiktiraf sumbangan makmal berkenaan.

Beliau berkata, kejayaan IQJ akan dinilai berdasarkan pencapaian jumlah paten, penemuan, penerbitan, saintis, anugerah diterima, saintis Malaysia yang kembali ke Malaysia, saintis luar negara, syarikat dan produk baru yang diwujudkan.

Katanya, makmal IQJ memiliki tujuh komponen berbeza dan setiap satu akan menyumbang kepada kewujudan persekitaran sesuai bagi P&P serta proses mengkomersial teknologi terkini.

"Antara komponen itu ialah makmal bahan, makmal pengangkutan termaju, makmal nano, fotonik, elektrokimia, pengimejan stereo, teater elektronik dan makmal umum," katanya.

Sadeg berkata, lapan teknologi yang dimiliki Reveo diserahkan kepada IQJ untuk dikomersialkan antaranya pigmen pintar, tingkap buka-tutup secara elektronik LuxVu, storan optik berdensiti tinggi, proses menyah garam air laut, menghalang silau, bahan api daripada logam tidak mudah terbakar dan penjanaan oksigen tulen.